

02 SEP 1999

KAWALAN-PANEL

PANEL: KAWALAN MODAL MALAYSIA BERJAYA

Oleh: Muammar Kamaruddin & Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Sebuah panel pakar-pakar kewangan dan ekonomi sambil memuji kerajaan Malaysia kerana menggunakan kawalan modal berpilih-pilih untuk menangani masalah ekonomi juga telah menggesa diadakan jaringan keselamatan kewangan untuk membolehkan Asia mengelakkan krisis serupa pada masa akan datang.

Persoalan jaringan keselamatan kewangan itu dipaparkan pada Simposium Antarabangsa separuh hari mengenai Kawalan Modal dan Kerjasama Kewangan Asia di sini hari ini.

Simposium itu dianjurkan bersama oleh Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS) Malaysia, Mainichi Newspapers dari Jepun dan Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO).

Dr Sura Sanittanony, penasihat khas kepada Menteri Perdagangan Thailand, melihat keperluan mempunyai kerjasama yang lebih erat di kalangan negara Asia Timur melalui sebuah kerjasama monetori serantau memandangkan hakikat Amerika Syarikat dikatakan tidak pasti sama ada sumber-sumber Tabung Matawang Antarabangsa memadai untuk menangani krisis seumpamanya pada masa akan datang.

Katanya alasan kenapa gagasan sebuah Tabung Matawang Asia dicadangkan sebelum ini telah ditentang kerana sistem sekarang telah memberi faedah negara-negara lebih kuat.

Merujuk kepada kawalan modal, Dr Eisuke Sakakibara, penasihat kepada Menteri Kewangan Jepun, berkata ia patut dianggap sebagai satu pilihan yang boleh digunakan oleh pihak-pihak berkuasa berkaitan.

Kawalan berpilih-pilih Malaysia adalah berguna dalam menangani krisis kewangan kerana negara ini mempunyai lebih dagangan yang kukuh dan bank pusat yang cekap mengawal selia urusan niaga, tambah beliau.

Beliau dengan tegas berpendapat bahawa kawalan modal dianggap sebagai satu pilihan dasar bagi negara-negara sedang muncul dalam menghapuskan ketidakpastian dan kemudahruapan "naik dan jatuh".

Zhao Jianping, timbalan ketua pengarah, pentadbiran negara pertukaran wang asing China, berkata sejarah akan menghakimi usaha-usaha berani kerajaan Malaysia.

Dr Amar Bhattacharya, penasihat kanan Bank Dunia, menyifatkan kegawatan baru-baru ini sebagai satu krisis sistem kewangan global.

Oleh itu, jawapan dasar tidak perlu sebagai kepelbagaian lama tetapi disesuaikan dengan keadaan sesebuah negara tertentu.

Beliau berkata pengalaman banyak negara telah menunjukkan bahawa peranan kawalan modal tidak kekal kecuali jika ia adalah dalam konteks pakej makro dan pembaharuan yang konsisten.

Satu kadar tetap dengan keluwesan adalah satu regim yang pasaran-pasaran sedang muncul boleh pilih, katanya.

Semasa ditemui pemberita selepas itu, Dr Bhattacharya berkata perkara yang penting mengenai Malaysia sekarang ialah bahawa pemulihan telah berlaku dan negara berjaya mengelakkan satu tahap pembiayaan yang besar.

"Kawalan modal telah berkesan. Pelabur-pelabur mungkin boleh menarik diri tetapi mereka memilih tidak melakukannya," katanya.

Prof Thomas DeGregori, ahli ekonomi di University of Houston, berkata kejayaan Malaysia "tidak perlu diperkatakan lagi."

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berbicara, dan kawalan jangka pendek telah berjaya.

Dr Heiner Flassbeck, bekas naib Menteri Kewangan Jerman, sementara itu,

berkata sistem kewangan dunia memerlukan anjakan paradigma.

"Apa yang paling penting adalah dapat mengujudkan satu sistem untuk mengekalkan kadar tukaran wang tetap dan ia akan menyelesaikan masalah dunia terburuk."

Malah di Eropah, katanya hanya terdapat segelintir negara yang mengapungkan matawang mereka selepas perjanjian Bretton-Woods manakala kebanyakan masih memilih kadar tukaran wang ditetapkan.

Dr Flassbeck berkata kegawatan ekonomi baru-baru ini menunjukkan bahawa sistem matawang sekarang, yang masih memerlukan sesebuah kerajaan itu menstabilkan nilai domestik matawangnya manakala pada waktu yang sama menyerahkan nilai matawang di luar negara itu kepada ehsan orang lain, termasuk spekulator, tidak berjaya.

-- BERNAMA

SHO/MK OS